

MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA PENGURUSAN KUALITI JABATAN LAUT MALAYSIA
BIL. 2/2009

Tarikh : 10 September 2009.
Masa : 2.30 petang.
Tempat : Bilik Mesyuarat Utama,
Ibu Pejabat,
Jabatan Laut Semenanjung Malaysia.

Senarai Kehadiran:

- | | | |
|-----|---------------------------------|--|
| 1. | Dato' Kapt. Ahmad bin Othman | Ketua Pengarah Laut
(Pengerusi) |
| 2. | Hj. Ahmad Khairuddin bin Ismail | Pengarah Bahagian
Kawalan Industri |
| 3. | En. Muhammad Razif bin Ahmad | Pengarah Bahagian Hal Ehwal
Pelaut dan Pelabuhan |
| 4. | En. Khairudin bin Abbas | Timbalan Wakil Pengurusan
Kualiti/Pengarah Bahagian
Khidmat Pengurusan |
| 5. | En. Zulkurnain bin Ayub | Pengarah Institut Latihan
Pentadbiran & Pengurusan
Pengangkutan Laut |
| 6. | En. Roslee bin Mat Yusof | Pengarah Laut Wilayah
Utara |
| 7. | En. Hazman bin Hussein | Pengarah Laut Wilayah
Tengah |
| 8. | En. Rosnan bin Fathlul | Pengarah Laut Wilayah Selatan |
| 9. | Hj. Rossid bin Musa | Pengarah Laut Wilayah Timur |
| 10. | En. Benjamin Bernard Bijion | Pengarah Laut Wilayah
Persekutuan Labuan & Laut
China Selatan |
| 11. | Hj. Wan Endok bin Wan Salleh | Pengarah Laut Sarawak |
| 12. | Hj. Abdul Aziz bin Muhamud | Pengarah Laut Sabah |
| 13. | En. Yusnan Abdul Rani | Urusetia |

1. Perutusan Pengerusi.

1.1 Tuan Pengerusi memulakan mesyuarat dengan memberi salam dan mengalu-alukan kehadiran pengarah-pengarah bahagian dan wilayah ke mesyuarat ini.

1.2 Tuan Pengerusi juga memaklumkan mesyuarat ini perlu diadakan sebelum pihak LRQA datang untuk menjalankan audit pembaharuan dan pertukaran versi 9001:2008. Pihak LRQA akan menjalankan audit pada akhir bulan September iaitu selepas Hari Raya Aidilfitri.

1.3 Timbalan Wakil Pengurusan Kualiti memaklumkan bahawa Jabatan telah menukar dokumen kualiti ISO 9001:2000 kepada versi 2008. Kesemua dokumen kualiti tersebut disediakan dalam bentuk *soft copy* dan tiada lagi salinan *hard copy* diedarkan kepada stesen/pejabat pelabuhan yang berkenaan. Dokumen kualiti boleh di akses melalui laman JALIN.

2. Pengesahan Agenda Mesyuarat.

2.1 Ahli-ahli mesyuarat mengambil maklum berkenaan dengan agenda mesyuarat dan dokumen mesyuarat yang telah diedarkan. Seterusnya, mesyuarat bersetuju untuk menerima agenda mesyuarat yang dicadangkan.

3. Pengesahan Minit Mesyuarat Bil. 1/2009.

3.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kualiti Jabatan Laut Bil. 1/2009 yang telah diadakan pada 11 Mei 2009 disahkan tanpa pindaan.

4. Perkara-perkara Berbangkit.

4.1 Pengarah Bahagian HEPP memaklumkan Sistem Perakuan Pelaut telah menggunakan Sistem SDPx sepenuhnya. Walaubagaimanapun ada pejabat pelabuhan yang tidak dibekalkan dengan peralatan Sistem SDPx. Pejabat pelabuhan yang tidak dibekalkan dengan peralatan Sistem SDPx tidak akan dapat memproses permohonan dokumen pelaut. Pejabat-pejabat pelabuhan ini akan dikeluarkan dari skop pelaksanaan bagi Proses Pendaftaran Pelaut.

4.2 Pengarah Bahagian HEPP memaklumkan objektif kualiti bagi proses pengeluaran perakuan kekompetenan tidak tercapai 100% kerana masalah mesin pencetak. Dengan adanya sistem SDPx dimana semua penghantaran dokumen permohonan dibuat secara elektronik, jumlah permohonan yang diterima di IPL adalah meningkat dengan mendadak. Permohonan tidak dapat diproses dalam tempoh yang ditetapkan dengan jumlah kakitangan terhad dan 2 mesin pencetak yang ada. Dicadangkan supaya ditambah mesin pencetak di IPL dan juga dibekalkan mesin pencetak di semua wilayah untuk mencetak perakuan bagi mengatasi masalah tersebut.

Tindakan: Pengarah Bahagian HEPP.

- 4.3 Timbalan Wakil Pengurusan Kualiti memaklumkan pada 10.08.2009 semua juruaudit kualiti dalaman telah diberikan taklimat mengenai pelaksanaan audit kualiti dalaman. Ini adalah untuk memastikan ketakakuran yang telah dibangkitkan oleh LRQA berkenaan dengan audit kualiti dalaman dapat diatasi dan tidak berulang.

Tindakan: Makluman.

5. Laporan Audit Kualiti Dalaman.

5.1 Mesyuarat dimaklumkan audit kualiti dalaman telah dilaksanakan di semua pejabat pelabuhan dan unit yang berkenaan. Terkini, audit kualiti dalaman dijalankan pada bulan Ogos 2009. Ini adalah bagi memastikan semua pejabat pelabuhan dan unit yang berkenaan telah diaudit sebelum audit pembaharuan sijil dijalankan oleh pihak LRQA pada akhir September 2009.

5.2 Tiada ketakakuran major dibangkitkan di dalam audit yang telah dijalankan. Keseluruhannya terdapat 18 ketakkauran Minor dan 79 Pemerhatian. Kebanyakan ketakakuran tersebut masih belum ditutup kerana audit baru sahaja selesai pada bulan Ogos dan September 2009.

5.3 Tuan Pengerusi mohon kerjasama semua Pengarah Bahagian dan Pengarah Wilayah supaya dapat memastikan semua ketakakuran yang telah dibangkitkan dapat ditutup dalam tempoh yang telah dipersetujui oleh auditee dan auditor.

Tindakan: Pengarah Wilayah.

6. Laporan Audit Kualiti Luaran

6.1 Timbalan Wakil Pengurusan Kualiti memaklumkan bahawa audit kualiti luaran telah dilaksanakan pada 15 – 17 Jun 2009. Pejabat pelabuhan yang terlibat adalah:

- (a) Pejabat Pelabuhan Bintulu – Persijilan Pelaut (15.6.09)
- (b) Pejabat Pelabuhan Miri – Persijilan Pelaut (16.6.09)
- (c) Ibu Pejabat Laut – (17.6.09)

6.2 Pejabat Pelabuhan Bintulu.

- (a) Pemerhatian (RC) – 0906CKF01

Ketakakuran berkenaan dengan audit kualiti dalaman yang mana laporan audit kualiti dalaman tidak menunjukkan elemen sistem pengurusan kualiti telah diaudit. Sebagai

contoh carta organisasi, tanggungjawab kakitangan, penggunaan logo LRQA dan lain-lain.

Pihak Wakil Pengurusan Kualiti telah mengadakan taklimat kepada semua juruaudit kualiti dalaman bagi memastikan perkara tersebut di atasi dan tidak berulang.

Tindakan: Wakil Pengurusan Kualiti.

6.3 Pejabat Pelabuhan Miri.

(a) Pemerhatian (RC) – 0906CKF03

Pejabat Pelabuhan Miri didapati tidak melaksanakan pemantauan objektif kualiti sejak Januari 2009.

Pihak Urusetia telah maklumkan kepada pejabat pelabuhan Miri supaya disediakan laporan tersebut untuk tindakan selanjutnya.

Tindakan: Pengarah Laut Sarawak.

6.4 Ibu Pejabat Laut.

(a) Minor – 0906CKF04

Ketakakuran audit kualiti dalaman yang dibangkitkan di Pejabat Pelabuhan Kuah dan Bahagian HEPP pada bulan Mac 2009 masih belum ditutup semasa auditan oleh pihak LRQA.

Ketakakuran di kedua-dua lokasi tersebut telah ditutup.

Tindakan: Makluman.

(b) Pemerhatian (RC) – 0906CKF05

Tiada maklumbalas pelanggan diperolehi oleh Unit Hidrografi, Bahagian Keselamatan Pelayaran. Mengikut keperluan ISO9001:2000, perenggan 8.2.1 Unit/Jabatan perlu menentukan kepuasan pelanggan. Unit yang berkenaan perlu follow-up dengan pelanggan jika tiada sebarang maklumbalas diterima dari pelanggan.

Unit Keselamatan Maritim, Bahagian Keselamatan Pelayaran telah menyediakan dan mengedarkan borang maklumbalas pelanggan kepada semua wilayah untuk diedarkan kepada pelanggan pada bulan Julai 2009.

Tindakan: Pengarah Bahagian Keselamatan Pelayaran.

- 6.5 Mesyuarat dimaklumkan bahawa auditan seterusnya iaitu audit pembaharuan sijil akan dijalankan pada 28 September – 1 Oktober 2009. Pejabat Pelabuhan yang terlibat adalah Sibu, Sarikei, Muara Tebas, Kuching, Pasir Gudang, Johor Bharu, Tg. Pelepas, Wilayah Tengah dan semua bahagian di IPL. Tuan Pengerusi meminta supaya pejabat yang terlibat bersedia dan mengambil tindakan sewajarnya untuk memastikan auditan seterusnya berjalan lancar dan sempurna

Tindakan: Pengarah Bahagian dan Wilayah.

- 6.6 Tuan Pengerusi memohon supaya Jabatan Laut Sarawak melantik seorang pegawai untuk membantu dan mengiringi auditor yang akan menjalankan audit di Jabatan Laut Sarawak. Jabatan Laut Wilayah Selatan juga dipohon berbuat demikian untuk auditan di Jabatan Laut Wilayah Selatan.

Tindakan: Makluman.

7. Laporan Pencapaian Objektif Kualiti.

7.1 Bahagian Kawalan Industri.

7.1.1 Sistem Pendaftaran Kapal – Objektif kualiti pendaftaran kapal dari bulan Januari hingga Ogos 2009 adalah tercapai. Sehingga bulan Ogos 2009 sebanyak 159 urusan pendaftaran kapal telah dilaksanakan di semua pejabat pelabuhan daftar iaitu Port Kelang, Penang, Kuching dan Kota Kinabalu.

7.1.2 Sistem Pengurusan Persijilan Dokumen Kepatuhan Kod ISM – Sebanyak 46 buah syarikat telah diaudit bagi tempoh Mei hingga Ogos 2009. Kesemuanya mencapai objektif kualiti yang telah ditetapkan.

Tindakan: Makluman.

7.2 Bahagian Hal Ehwal Pelaut dan Pelabuhan.

7.2.1 Menentukan kelayakan menduduki peperiksaan dalam masa 1 minggu dari tarikh permohonan diterima – sebanyak 875 permohonan peperiksaan bahagian dek dan 686 permohonan peperiksaan bahagian enjin telah diproses dalam tempoh yang ditetapkan bagi Januari hingga Ogos 2009. Objektif kualiti tercapai.

7.2.2 Mengadakan peperiksaan sijil kecakapan laut sekurang-kurangnya 2 kali setahun – sebanyak 54 peperiksaan bahagian dek dan 72 peperiksaan bahagian enjin telah diadakan bagi Januari hingga Ogos 2009 dan mencapai objektif kualiti yang ditetapkan.

Tindakan: Makluman.

7.2.3 Mengeluarkan sijil kecekapan dalam masa 30 hari dari tarikh permohonan diterima – sejumlah 2,185 permohonan diterima bagi tempoh Januari hingga Ogos 2009. Sebanyak 349 sijil kecekapan dikeluarkan melebihi tempoh 30 hari. Peratus pencapaian adalah 84.03%. Objektif kualiti tidak tercapai kerana tempoh penghantaran dokumen adalah terlalu bergantung kepada sistem sokongan dari sistem penghantaran melalui pos dan juga terdapat permohonan yang tidak lengkap. Pertukaran kepada sistem SDPx juga melewati proses pengeluaran sijil tersebut kerana kakitangan kurang mahir dengan sistem tersebut.

7.2.4 Mengeluarkan Sijil Kursus Modular dalam masa 7 hari bekerja selepas tarikh pendaftaran kursus ke dalam sistem diterima – sebanyak 6,668 sijil kursus modular telah diproses. Sebanyak 6,541 sijil dikeluarkan dalam tempoh 7 hari bekerja manakala 171 sijil dikeluarkan melebihi tempoh tersebut. Peratus pencapaian adalah 98.1%. Ini adalah kerana:

- a. pejabat pelabuhan kehabisan stok sijil.
- b. pihak sekolah lewat menghantar laporan pengesahan kehadiran kepada pejabat pelabuhan.

7.2.5 Pengarah Bahagian HEPP memaklumkan, pencetakan sijil kursus modular yang dijalankan oleh ALAM dicetak sendiri oleh ALAM kerana jumlah pelaut adalah tinggi. Langkah ini dapat memendekkan tempoh pencetakan.

Tindakan: Pengarah Bahagian Hal Ehwal Pelaut & Pelabuhan.

7.3 Bahagian Keselamatan Pelayaran.

7.3.1 Memastikan keberkesanan alat bantuan pelayaran iaitu *'availability/reliability'* mencapai tahap mengikut panduan *International Association of Lighthouse Authorities (IALA)*. Objektif kualiti adalah tercapai.

- a. faktor ketersediaan bagi 11 rumah api di Semenanjung Malaysia adalah 100%.
 - rumah api Bukit Jugra mengalami kerosakan selama 1 hari tetapi tidak menjejaskan tahap ketersediaannya kerana dilengkapi dengan lampu kecemasan.
- b. faktor ketersediaan bagi 49 tandarah suar yang terdapat di Wilayah Tengah ialah 99.96%.
 - 4 buah tandarah suar mengalami kerosakan 1-3 hari iaitu *South Port Sector Light*, Kuala Linggi, Tg. Rhu dan Pulau Ketam.

- c. faktor ketersediaan bagi 71 buah pelampung yang ditempatkan di Wilayah Tengah ialah 99.98%.
 - 3 buah pelampung mengalami kerosakan 1-2 hari iaitu *Spoil Ground, South Fairway* dan *Sg. Udang No. 5*.

7.3.2 Sistem Keselamatan Alur Pelayaran – Projek Pengerukan yang dilaksanakan di Kuala Sg. Endau telah siap.

7.3.3 Bagi kerja ukur hidrografi, kerja lapangan di Sg. Sitiawan dan Tg. Sedili telah siap dan dalam proses pemerosesan data.

7.3.4 Tuan Pengerusi meminta supaya objektif kualiti bagi aktiviti unit hidrografi dikaji semula kerana mendapati objektif kualiti sedia ada tidak tepat dan tidak dapat menilai prestasi dengan baik.

Tindakan: Pengarah Bahagian Keselamatan Pelayaran.

8. Laporan Aduan/Maklumbalas Pelanggan.

8.1 Bahagian Kawalan Industri.

8.1.1 Bagi aktiviti proses pendaftaran kapal, sebanyak 75 borang maklumbalas telah diterima bagi tempoh Januari 2009 hingga Ogos 2009. Secara keseluruhannya analisis maklumbalas yang diterima adalah sangat memuaskan. Tiada aduan atau cadangan diterima dari pelanggan.

8.1.2 Terdapat 32 borang maklumbalas diterima bagi aktiviti ISM bagi tempoh Mei hingga Ogos 2009. Secara keseluruhannya analisis maklumbalas yang diterima adalah memuaskan. Tiada aduan atau cadangan diterima.

Tindakan: Makluman.

8.2 Bahagian Hal Ehwal Pelaut dan Pelabuhan.

8.2.1 Sebanyak 75 borang maklumbalas telah diterima dari pejabat-pejabat pelabuhan bagi tempoh Julai hingga 8 September 2009. Secara keseluruhannya analisis mendapati kepuasan pelanggan adalah pada tahap amat baik. Terdapat beberapa cadangan dari pelanggan iaitu:

- a. tambah kerusi di ruangan menunggu.
- b. menambah jumlah kakitangan yang bertugas untuk memendekkan masa menunggu.
- c. memberi peluang pekerjaan yang lebih kepada pelaut Malaysia berbanding pelaut asing.
- d. menyelenggara penghawa dingin supaya pelaut lebih selesa menunggu dan berurusan.

Tindakan: Pengarah Bahagian Hal Ehwal Pelaut & Pelabuhan.

8.3 Bahagian Keselamatan Pelayaran.

8.3.1 Tiada maklumbalas pelanggan diterima bagi aktiviti pengerukan dan ukur hidrografi serta pemaliman.

Tindakan: Makluman.

9. HAL-HAL LAIN.

9.1 Pengarah Bahagian HEPP mencadangkan supaya dokumen kualiti disediakan dalam dwibahasa iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Ini selarasa dengan fungsi Jabatan yang juga terlibat di peringkat luar negara/antarabangsa. Mesyuarat bersetuju supaya semua pemilik proses menyediakan proses masing-masing dalam Bahasa Inggeris.

Tindakan: Semua Pemilik Proses/Urusetia.

9.2 Pengarah Laut Wilayah Tengah memaklumkan juruaudit kualiti dalaman membangkitkan tentang latihan kepada kakitangan di pejabat pelabuhan semasa menjalankan audit kualiti dalaman di Port Dickson dan Sg.Udang. Mesyuarat bersetuju supaya pihak WPK dan Urusetia mengkaji keperluan termasuk peruntukan kewangan untuk mengadakan kursus tersebut.

Tindakan: Urusetia.

10. Penutup.

Tuan Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir. Sekali lagi beliau meminta supaya semua dapat mengambil tindakan yang sewajarnya supaya sistem kualiti jabatan berada pada tahap yang tinggi. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4 petang.